



**KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI
PENYAKIT NOVEL CORONAVIRUS (COVID-19)**

**YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI,
DATO'SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
PENGERUSI
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA PUSAT (JPBP)**

16 Februari 2020, Putrajaya – KKM ingin memaklumkan satu (1) kes yang telah sembuh sepenuhnya dan dibenarkan pulang semalam pada 15 Februari 2020. Kes tersebut adalah Kes ke-15, melibatkan seorang wanita warganegara China yang sebelum ini dirawat di Hospital Permai, Johor Bahru.

Seterusnya TIADA kes baru dilaporkan pada hari ini, menjadikan jumlah kes COVID-19 yang masih menerima rawatan di wad adalah seramai **14 orang** dan jumlah kes yang telah discaj adalah seramai **8 orang**.

Bagi lapan (8) kes yang telah discaj, mereka telah menjalani ujian pengesanan ulangan COVID-19 dan didapati negatif sebanyak dua (2) kali berturut-turut.

KAPAL PERSIARAN WESTERDAM

Pagi ini saya telah berjumpa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama-sama YB Menteri Kesihatan, Ketua Pengarah Kesihatan, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri (KLN), Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN), Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan (MOT), Ketua Pengarah Jabatan Imigresen (JIM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Saya seterusnya telah mempengerusikan mesyuarat bersama agensi-agensi tersebut termasuk Malaysia Airlines Berhad (MAS) bagi membincang status terkini mengenai kluster COVID-19 dan isu berkaitan dengannya.

Berkaitan isu Kapal Persiaran (*Cruise*) Westerdam yang membawa 2,257 orang yang terdiri daripada 1,455 penumpang dan 802 krew.

- Kapal persiaran tersebut telah berlabuh di Hong Kong sehari sebelum memulakan perjalanan selama 14 hari pada 1 Februari 2020 sebagai *East Asia cruise*.
- Kapal persiaran ini seterusnya tidak dibenarkan berlabuh di beberapa negara sebelum menerima kebenaran untuk berlabuh di Sihanoukville, Cambodia pada 13 Februari 2020.
- Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur telah menyewa pesawat *Malaysia Airlines* bagi membawa sebahagian penumpang kapal persiaran tersebut daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Sihanoukville, Cambodia ke pelbagai destinasi akhir penumpang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).
- Untuk tujuan tersebut, mengikut perancangan, pihak MAS akan menyediakan empat penerbangan pesawat sewa khas bermula 14 Februari 2020 sehingga 16 Februari 2020.
- Setakat ini, hanya satu penerbangan sewa khas (MH8763) yang membawa 145 orang penumpang telah mendarat di KLIA pada 14 Februari 2020, pukul 7 petang.

- Kesemua 145 penumpang yang tiba telah menjalani saringan kesihatan dan 2 daripada penumpang (suami isteri warganegara Amerika Syarikat) dikesan bergejala melalui *thermal scanner* serta dibawa ke Hospital Sungai Buloh untuk pemeriksaan selanjutnya.
- Hasil ujian pengesanan COVID-19 pada 15 Februari 2020 mendapati isterinya, 83 tahun adalah positif. Pesakit mengalami gejala batuk tetapi tiada demam atau sesak nafas. Dapatan x-ray beliau menunjukkan tanda radang paru-paru.
- Manakala ujian ke atas suaminya didapati negatif COVID-19. Namun beliau kini menerima rawatan bagi jangkitan bakteria yang dialami.
- Pihak KKM telah memaklumkan kepada MAS berkenaan kes positif hasil daripada ujian yang dijalankan.
- Sehubungan dengan itu, penumpang-penumpang lain pesawat tersebut dianggap kontak rapat (*close contact*). Berdasarkan kepada keputusan tersebut, MAS telah membatalkan baki penerbangan sewa khas yang lain.

- Ujian ulangan COVID-19 telah dijalankan ke atas pasangan suami-isteri tersebut lewat malam tadi dan keputusan yang sama diperolehi – iaitu positif bagi isteri dan negatif bagi suami beliau.
- Sementara itu, seramai 143 penumpang yang melepasi saringan dan tidak bergejala, di mana 137 telah meneruskan perjalanan manakala baki 6 orang masih menunggu penerbangan sambungan ke destinasi masing-masing.

KEPUTUSAN TERKINI

Buat masa ini, Kerajaan memutuskan:

- Untuk tidak membenarkan mana – mana kapal persiaran yang berlepas atau transit di mana-mana pelabuhan di China daripada memasuki Malaysia
- Seterusnya baki penumpang kapal persiaran Westerdam yang masih berada di Cambodia adalah tidak dibenarkan memasuki Malaysia mengambil kira semua penumpang tersebut adalah kontak rapat dengan kes yang disahkan positif terdahulu.

- Manakala, 6 penumpang yang masih menunggu penerbangan selanjutnya, akan menjalani ujian pengesanan COVID-19. Sekiranya ujian tersebut disahkan negatif, penumpang tersebut akan dibenarkan untuk meneruskan perjalanan. Walau bagaimanapun, sekiranya didapati positif, penumpang tersebut akan dibawa ke hospital bagi pemantauan kesihatan selanjutnya.

AKTIVITI PENGESANAN KONTAK PERINGKAT ANTRABANGSA

Susulan pengesanan satu (1) kes positif COVID-19 dalam kalangan penumpang kapal persiaran yang telah berlabuh di Cambodia pada 13 Februari 2020 dan kemudiannya tiba dengan menaiki pesawat di KLIA pada 14 Februari 2020, aktiviti pengesanan kontak rapat telah dilaksanakan dengan serta merta.

Aktiviti tersebut melibatkan komunikasi di peringkat Malaysia International Health Regulations (IHR) Focal Point dengan National IHR Focal Points dari negara-negara lain yang terlibat. Melalui komunikasi tersebut, maklumat ringkas mengenai setiap penumpang yang terlibat disalurkan kepada National IHR Focal

Points negara masing-masing. Maklumat tersebut akan digunakan oleh pihak Kementerian Kesihatan negara terlibat untuk menyusuli dan menjejaki para penumpang tersebut sebaik mereka tiba di destinasi.

Tidak terkecuali, komunikasi dengan National IHR Focal Points Cambodia turut dilaksanakan. Ini bagi membolehkan tindakan kawalan dan pencegahan yang berkesan turut dilaksanakan di peringkat mereka – yang merupakan negara di mana kapal persiaran tersebut telah berlabuh.

Kerajaan Malaysia akan terus memperkukuhkan aktiviti kesiapsiagaan dan respon bagi menghadapi penularan jangkitan COVID-19 di Malaysia. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini melalui maklumat yang diperolehi daripada pelbagai pihak yang terlibat. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Agensi Pengurusan Bencana Negara

16 Februari 2020

MAKLUMAT TAMBAHAN

BUTIRAN KES COVID-19 KE-22

Kes ke-22 ini merupakan seorang wanita berusia 83 tahun warganegara Amerika Syarikat. Beliau adalah salah seorang penumpang kapal persiaran yang telah berlabuh di Kemboja pada 13 Februari 2020. Semua penumpang dan anak kapal telah dibenarkan pulang ke negara masing-masing oleh kerajaan Kemboja setelah memaklumkan bahawa saringan kesihatan telah dijalankan ke atas mereka.

Seramai 145 penumpang kapal persiaran tersebut telah mengambil penerbangan ke Malaysia pada 14 Februari 2020. Daripada jumlah tersebut, beliau dan suaminya telah dikesan bergejala sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan dirujuk ke Hospital Sungai Buloh bagi menjalani pemeriksaan lanjut. Ujian saringan pengesanan COVID-19 telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perubatan Malaysia (IMR) dan telah disahkan positif pada 15 Februari 2020. Beliau kini berada dalam keadaan stabil dan dirawat di wad isolasi hospital berkenaan. Buat masa ini, ujian pengesanan COVID-19 bagi suaminya adalah negatif. Namun, beliau masih menerima rawatan

dan pemantauan di Hospital Sungai Buloh bagi gejala yang dialaminya.

KAPASITI IMR BAGI MENGESAN COVID-19

Untuk makluman, makmal IMR adalah makmal rujukan yang dikenalpasti oleh pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi penyakit polio dan influenza. Makmal ini juga merupakan makmal pertama yang terlibat secara langsung dalam menjalankan ujian diagnostik bagi mengesan COVID-19 di Malaysia. Ia telah memulakan persediaan menghadapi sebarang kemungkinan penularan COVID-19 ke Malaysia sejak 3 Januari 2020 lagi di mana reagen untuk mengesan coronavirus dengan menggunakan kaedah Conventional RT-PCR telah disediakan. Seterusnya, pada 11 Januari 2020 apabila ahli saintis dari China telah berkongsi maklumat genetik COVID-19, Unit Virologi IMR telah merekacipta urutan reagen yang dikenali sebagai “primers and probes specific for COVID-19” pada hari yang sama. Protokol yang telah digunakan oleh IMR ini juga selari dengan protokol real time RT-PCR COVID-19 yang telah dikeluarkan oleh WHO iaitu mengikut Corman et al., 2020.

iaitu dua belas (12) kes dalam kalangan kes Patient-Under-Investigation (PUI) jangkitan COVID-19, lapan (8) kes dalam kalangan kontak rapat dan dua (2) kes dalam kalangan rakyat Malaysia yang dibawa pulang dengan Misi Bantuan Kemanusiaan. Daripada jumlah tersebut, lima belas (15) kes adalah warganegara China, tujuh (6) orang adalah warganegara Malaysia dan seorang (1) adalah warganegara Amerika Syarikat.

Sehingga kini, aktiviti pengesanan kontak rapat masih diteruskan lagi bagi mengenalpasti kontak rapat kepada kes. Sebanyak 310 kontak rapat telah dikenalpasti dan jumlah ini akan bertambah sehingga pengesanan kontak rapat ini selesai.